

## Filemon

<sup>1</sup> Surat ini daripada Paulus yang dipenjarakan kerana Isa al-Masih, juga daripada saudara kita Timotius,

Surat ini ditujukan kepada Filemon, sahabat kami dan teman sekerja, <sup>2</sup> kepada saudari kita Apfia, dan kepada rakan seperjuangan kita Arkhipus, serta kepada jemaah yang berhimpun di rumahmu:

<sup>3</sup> Semoga Allah Bapa kita dan Junjungan Isa al-Masih menganugerahimu kasih kurnia dan sejahtera.

### *Ucapan syukur*

<sup>4</sup> Saudaraku Filemon, aku sentiasa bersyukur kepada Allah Tuhanku dan menyebut namamu di dalam doaku, <sup>5</sup> kerana aku mendengar tentang imanmu kepada Junjungan Isa, dan kasihmu terhadap semua orang salih. <sup>6</sup> Aku berdoa semoga persaudaraan kita sebagai orang yang beriman kepada al-Masih akan membawa pengertian yang lebih mendalam tentang segala yang baik yang kita miliki di dalam al-Masih. <sup>7</sup> Saudaraku Filemon, kasihmu sungguh menggembirakan dan menggalakkan hatiku kerana kamu telah menyegarkan hati sekalian orang salih.

### *Rayuan Paulus bagi pihak Onesimus*

<sup>8</sup> Oleh itu, aku boleh memerintahkan kamu dengan nama al-Masih membuat sesuatu yang harus

dilakukan. <sup>9</sup> Namun demikian, kerana aku mengasihimu, aku hanya meminta kamu membuatnya. Aku Paulus, seorang yang sudah tua dan kini dipenjarakan kerana Isa al-Masih. <sup>10</sup> Aku membuat permintaan ini bagi pihak Onesimus, yang telah kujadikan sebagai anakku sendiri sewaktu aku di dalam penjara. <sup>11</sup> Dahulu dia tidak berguna bagimu, tetapi sekarang dia berguna bukan sahaja bagimu malah juga bagiku.

<sup>12</sup> Aku menghantar kembali kepadamu Onesimus yang amat kukasihi. <sup>13</sup> Sebenarnya aku mahu dia tetap bersamaku di sini untuk membantuku bagi pihakmu sepanjang tempoh aku dipenjarakan kerana menyebarkan Injil. <sup>14</sup> Namun demikian, aku tidak mahu memaksa kamu membantuku. Biarlah bantuan itu kamu hulkan dengan rela hati. Oleh itu aku tidak mahu berbuat apa-apa tanpa persetujuanmu. <sup>15</sup> Mungkin Onesimus meninggalkanmu untuk sementara waktu supaya kamu mendapatnya kembali untuk selama-lamanya. <sup>16</sup> Kini dia bukan hanya seorang hamba, dia saudara yang dikasihi. Dia amat bererti bagiku, dan tentulah lebih bererti bagimu, baik sebagai hamba mahupun sebagai saudara dalam Tuhan.

<sup>17</sup> Oleh itu, sekiranya kamu menganggapku sebagai rakan sekerja, sambutlah dia kembali seperti kamu menyambutku. <sup>18</sup> Jika ada kesalahannya atau hutangnya kepadamu, biarlah aku yang menanggungnya. <sup>19</sup> Lihatlah, kata-kata berikut kuterakan dengan tulisanku sendiri: Aku, Paulus, akan menyelesaikan segala-galanya - Aku tidak perlu mengingatkan kamu bahawa kamu

berhutang kepadaku dirimu sendiri. <sup>20</sup> Oleh itu, demi Tuhan tolonglah aku dan gembirakan hatiku sebagai saudara seiman dalam al-Masih. <sup>21</sup> Ketika menulis surat ini, aku yakin bahawa kamu akan menunaikan permintaanku. Malah sebenarnya aku tahu bahawa lebih daripada yang kuminta itu pun akan kamu lakukan.

<sup>22</sup> Sementara itu, sediakanlah bilik untukku di rumahmu, kerana aku berharap Allah akan mengabulkan doa kamu semua semoga aku kembali kepadamu.

*Ucapan akhir Paulus*

<sup>23</sup> Epafras, yang dipenjarakan bersamaku kerana Isa al-Masih, berkirim salam kepadamu. <sup>24</sup> Juga sambutlah salam rakan-rakan seperjuanganku: Markus, Aristarkhus, Demas dan Lukas.

<sup>25</sup> Semoga kasih kurnia Junjungan Isa al-Masih menyertai roh kamu semua.

**Kitab Suci Zabur dan Injil**  
**Contextualized New Testament in the Malay language**  
**of Malaysia.**

Copyright © 2013 Pengamat Kitab Mulia

Language: Bahasa Malaysia (Malay)

This translation is made available to you under the terms of the Creative Commons Attribution-No Derivatives license 4.0.

You may share and redistribute this Bible translation or extracts from it in any format, provided that:

    You include the above copyright and source information.

    You do not make any derivative works that change any of the actual words or punctuation of the Scriptures.

Pictures included with Scriptures and other documents on this site are licensed just for use with those Scriptures and documents. For other uses, please contact the respective copyright owners.

2014-04-01

---

PDF generated using Haiola and XeLaTeX on 22 Feb 2024 from source files dated 31 Aug 2023

648b665b-0b0d-5152-8152-17df023a0827